

NO SOALAN :511**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)****PERTANYAAN : BERTULIS****Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada perjanjian projek East Coast Rail Link (ECRL) telah dimuktamadkan dengan syarikat China Communications & Construction Company (CCCC) dan apakah kedudukan terkini projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan pelaksanaan projek ECRL mengikut jadual yang dirancang, perjanjian Kontrak *Engineering, Procurement, Construction and Commissioning* (Perjanjian EPCC) telah dimuktamadkan bagi Fasa 1 yang bernilai RM46 bilion pada 1 November 2016 untuk pembinaan landasan

sejauh 600.3km di antara Wakaf Bharu, Kelantan dan ITT Gombak, Selangor. Manakala perjanjian bagi Fasa 2 untuk pembinaan landasan sejauh 88km di antara Gombak, Selangor ke Pelabuhan Klang, Selangor pula telah ditandatangani pada 13 Mei 2017, bernilai RM9 bilion, menjadikan jumlah keseluruhan kontrak sebanyak RM55 bilion.

Sesi Pemeriksaan Awam (*Public Inspection*) yang merupakan satu keperluan di bawah Seksyen 84 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri pada 8 Mac 2017 yang lalu. Sesi tersebut berlangsung selama 90 hari, bermula pada 8 Mac 2017 dan berakhir pada 7 Jun 2017. Ianya dilaksanakan di 38 lokasi terpilih di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor, bertempat di pejabat-pejabat daerah termasuk ibu pejabat Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan MRL. Tujuan utama Sesi Pemeriksaan awam diadakan adalah bagi mempamerkan cadangan laluan kereta api dari Wakaf Bharu, Kelantan hingga Terminal Pengangkutan Bersepadu (ITT) Gombak, Selangor. Sesi tersebut juga turut mempamerkan lokasi stesen pertukaran dengan landasan sedia ada dan memberi penjelasan terperinci berkaitan projek ECRL kepada orang awam. Maklumbalas yang diperoleh mendapati bahawa sebanyak 95% responden menyokong pelaksanaan projek berimpak tinggi nasional ini.

Selain itu, pihak MRL juga telah berjaya memperoleh kelulusan muktamad Skim Kereta Api dari Suruhanjaya Awam Darat pada 23 Jun 2017 manakala kelulusan laporan EIA (*Environmental Assessment Report*) pula telah diterima dari pihak Jabatan Alam Sekitar pada 20 Jun 2017. Oleh yang demikian, proses pengambilan tanah bagi jajaran ECRL akan dilaksanakan pada tahun 2017 dan membolehkan kerja-kerja pembinaan projek dapat dimulakan.